

07 OCT 1997

TIMBALAN PERDANA MENTERI UZBEKISTAN KUNJUNGI DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Uzbekistan Victor Chjen yang sedang melawat Malaysia hari ini mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini.

Pada pertemuan sejam itu mereka membincangkan pelbagai isu terutamanya mengenai perlunya meningkatkan perdagangan dan kerjasama dua hala.

Menurut seorang pegawai di Jabatan Perdana Menteri, Chjen menawarkan kapal terbang kargo "Ilyushin" buatan Rusia untuk mengangkut barangan antara kedua-dua negara.

Dr Mahathir juga menyampaikan jemputan kepada Presiden Karimov untuk melawat Malaysia, kata pegawai itu.

Chjen yang mengetuai rombongan 40 anggota sedang dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke sini bermula Ahad lepas. -- BERNAMA

SJA RHM NMO